



KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

**GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PERJALANAN MESYUARAT
JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN (JKK)
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**ARAS 5-10
BLOK F9, KOMPLEKS F
PUTRAJAYA**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	PENGENALAN	2
2.	PENUBUHAN JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN	2
3.	KOMPOSISI DAN KEANGGOTAAN JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN	2
4.	FUNGSI JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN	4
5.	TANGGUNGJAWAB AHLI JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN	5
6.	PERATURAN MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN	6
7.	TANGGUNGJAWAB KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA SELAKU KETUA JABATAN	7
8.	RUJUKAN	8

1. PENGENALAN

Garis panduan ini diwujudkan untuk membantu Kementerian dalam menguruskan penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) dan pelaksanaan Mesyuarat JKK agar selari dengan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.

2. PENUBUHAN JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN (JKK)

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) adalah suatu Akta untuk membuat peruntukan lanjut bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja, bagi melindungi orang lain terhadap risiko kepada keselamatan atau kesihatan berkaitan dengan aktiviti orang yang sedang bekerja, untuk menubuhkan Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

Berdasarkan Seksyen 30 Akta 514 ini, Ketua Jabatan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan apabila pekerjanya mencapai 40 orang atau lebih. Bagi mencapai tujuan Akta ini juga, Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996 telah digubal dan berkuat kuasa pada 1 Januari 1997.

3. KOMPOSISI DAN KEANGGOTAAN JKK

3.1 Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) hendaklah terdiri daripada:

- (i) Seorang Pengerusi iaitu Ketua Jabatan atau wakil yang diberikuasa;
- (ii) Seorang Setiausaha iaitu Pegawai Keselamatan dan Kesihatan atau seseorang yang mempunyai pengetahuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dan dilantik oleh Pengerusi;
- (iii) Wakil-wakil Majikan; dan
- (iv) Wakil-wakil Pekerja.

3.2 Bilangan ahli dalam di dalam JKK:

- (i) Jika terdapat 100 orang atau kurang pekerja di Kementerian, maka hendaklah ada tidak kurang daripada dua (2) orang wakil Majikan dan 2 orang wakil Pekerja.

- (ii) Jika terdapat lebih daripada 100 orang pekerja di Kementerian, maka hendaklah ada tidak kurang daripada empat (4) orang wakil Majikan dan 4 orang wakil Pekerja.
- (iii) Sebaik-baiknya bilangan wakil Majikan dan wakil Pekerja hendaklah seimbang dan idealnya adalah seramai 10 hingga 14 orang bagi setiap wakil Pekerja dan wakil Majikan.
- (iv) Wakil-wakil Majikan dan Pekerja dalam suatu JKK hendaklah dapat mewakili pelbagai bahagian tempat kerja supaya dapat mengekalkan dan mengembangkan minat pekerja untuk membentuk suatu keadaan bekerja yang selamat dan sihat di tempat kerja.

3.3 Pelantikan Ahli JKK

- (i) Surat lantikan perlu diberi kepada semua Ahli JKK oleh Pengerusi dan dinyatakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana kehendak Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996.
- (ii) Pelantikan wakil Majikan hendaklah dilantik atas nama jawatan masing-masing dan tidak ada had tempoh masa selagi masih berkhidmat di Kementerian dan memegang jawatan masing-masing.
- (iii) Bagi wakil pihak Pekerja, tempoh penggal sebagai Ahli JKK adalah selama dua (2) tahun dari tarikh pelantikan masing-masing.

3.4 Kekosongan Ahli JKK

Sekiranya berlaku kekosongan di kalangan anggota JKK, kekosongan itu hendaklah diisi oleh seseorang yang dilantik sebagaimana ahli yang lain.

3.5 Penyingkiran Ahli JKK

Suatu JKK boleh menyingkirkan seseorang Ahli JKK jika:

- (i) Gagal menghadiri mesyuarat JKK tiga (3) kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi;
- (ii) Didapati atau diisyiharkan sebagai tak sempurna akal;
- (iii) Menjadi bankrap;

- (iv) Bagi wakil Pekerja, ahli tersebut tidak lagi berkhidmat di tempat kerja;
- (v) Telah dibuktikan terhadapnya, atau telah disabitkan atas sesuatu pertuduhan dengan kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak atau kesalahan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan KKP atau apa-apa kesalahan yang lain; atau
- (vi) Tidak dapat atau tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya sebagai Ahli JKK

4. FUNGSI JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN (JKK)

- 4.1 Fungsi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) disenaraikan di bawah Seksyen 31 Akta 514 dan diperincikan di dalam Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996.
- 4.2 Di bawah Seksyen 31 Akta 514, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan yang ditubuhkan di tempat kerja menurut Seksyen 30:
 - (a) hendaklah sentiasa mengkaji semula langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja;
 - (b) hendaklah menyiasat apa-apa perkara di tempat kerja:
 - (i) yang dianggap oleh anggota jawatankuasa itu atau orang yang diambil kerja di tempat kerja itu adalah tidak selamat atau merupakan risiko kepada kesihatan; dan
 - (ii) yang telah dibawa kepada perhatian majikan;
 - (c) hendaklah cuba menyelesaikan apa-apa perkara yang disebut dalam perenggan (b) dan jika tidak berupaya berbuat demikian, hendaklah meminta Ketua Pengarah JKPP supaya menjalankan suatu pemeriksaan tempat kerja itu bagi maksud itu; dan
 - (d) hendaklah mempunyai apa-apa fungsi lain yang boleh ditetapkan.

- 4.2 Menurut Peraturan 11, Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996, fungsi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) hendaklah:
- (a) Membantu dalam pembuatan kaedah-kaedah keselamatan dan kesihatan dan sistem kerja yang selamat;
 - (b) Mengkaji semula keberkesanan program keselamatan dan kesihatan;
 - (c) Menjalankan kajian berkaitan trend kemalangan, kemalangan nyaris, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang berlaku di tempat kerja dan hendaklah melaporkan kepada majikan apa-apa keadaan atau amalan yang tidak selamat atau tidak sihat di tempat kerja bersama-sama dengan cadangan penambahbaikan; dan
 - (d) Mengkaji semula Dasar Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja dan membuat cadangan kepada majikan bagi apa-apa penyemakan dasar itu.

5. TANGGUNGJAWAB AHLI JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN (JKK)

- 5.1 Pemeriksaan tempat kerja
 - (i) Memeriksa tempat kerja sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) bulan (sebelum mesyuarat JKK diadakan).
 - (ii) Merekodkan dan membincangkan hasil-hasil pemeriksaan tersebut.
 - (iii) Membuat cadangan kepada Ketua Setiausaha KPN mengenai langkah-langkah pemulihan yang perlu diambil hasil dari pemeriksaan tersebut dan direkodkan.
- 5.2 Penyiasatan kemalangan (kemalangan, kemalangan nyaris, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan):
 - (i) Memeriksa tempat kerja dengan segera setelah menerima laporan.
 - (ii) Bermesyuarat dengan segera selepas pemeriksaan tempat kerja dibuat.

- (iii) Membuat siasatan terhadap kejadian yang berlaku.
 - (iv) Memberikan cadangan kepada Ketua Jabatan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil supaya perkara yang sama tidak berulang pada masa akan datang.
- 5.3 Tanggungjawab dan akauntabiliti ahli JKK diperjelaskan di dalam Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996.

6. PERATURAN MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN (JKK)

6.1 Kekerapan mesyuarat:

JKK hendaklah bermesyuarat sekurang-kurang sekali dalam tempoh 3 bulan.

6.2 Agenda mesyuarat:

Agenda mesyuarat hendaklah hanya membincangkan perkara-perkara berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

6.3 Kuorum mesyuarat:

Kuorum mesyuarat JKK hendaklah melibatkan kehadiran Pengerusi, Setiausaha dan tidak kurang daripada 50% wakil Majikan dan Pekerja.

6.4 Kehadiran bukan Ahli JKK ke mesyuarat:

- (i) JKK boleh mempelawa mana-mana orang yang terlibat dalam atau mempunyai pengetahuan tentang apa-apa kemalangan, kemalangan nyaris, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang berlaku di tempat kerja.
- (ii) JKK boleh mempelawa mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

6.5 Minit mesyuarat:

- (i) Salinan minit mesyuarat JKK hendaklah diberikan kepada setiap Ahli JKK dalam masa 2 minggu selepas mesyuarat berlangsung.
- (ii) Minit mesuarat hendaklah disimpan selama tempoh minimum tujuh (7) tahun bagi tujuan pemeriksaan oleh Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

7. TANGGUNGJAWAB KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA SELAKU KETUA JABATAN

7.1 Membentuk Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kementerian Perpaduan Negara.

7.2 Selaras dengan Seksyen 16, Akta 514:


- (i) Ketua Jabatan hendaklah menyediakan pernyataan bertulis mengenai Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, organisasi dan rancangan untuk melaksanakan dasar itu.
- (ii) Dasar hendaklah ditandatangani oleh Ketua Jabatan dan bertarikh.
- (iii) Dasar perlu dikemaskini mengikut kesesuaian pemakaianya.
- (iv) Dasar perlu dikomunikasikan kepada semua pekerja.
- (v) Dasar perlu dipamerkan di tempat yang strategik agar dapat dilihat dan dibaca oleh semua pekerja.

8. RUJUKAN

- (i) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)
- (ii) Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996
- (iii) Surat Pekeliling Bilangan 3 Tahun 2019:
Pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514) dan
Peraturan-peraturan Di Bawahnya oleh Semua Kementerian, Jabatan,
Agenzi Kerajaan dan Badan Berkanun Kementerian

Disediakan oleh:
Seksyen Pentadbiran dan Aset
Bahagian Khidmat Pengurusan KPN

Diluluskan oleh:



DATO' INDERA NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara

Tarikh:  Jun 2023